

SULIT

1103/2

Bahasa Melayu

Kertas 2

September

2011

2 $\frac{1}{2}$ Jam

Nama :

Tingkatan :



**MAJLIS PENGETUA SEKOLAH - SEKOLAH MALAYSIA (MPSM)
CAWANGAN KELANTAN**

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM
TINGKATAN LIMA
2011**

BAHASA MELAYU

KERTAS 2

Dua jam tiga puluh minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi empat soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Jawapan bagi Soalan 2(b), Soalan 2(c), Soalan 2(d) dan Soalan 4 berdasarkan teks Komponen Kesusasteraan Melayu Tingkatan 4 dan Tingkatan 5.*
4. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.*

Kertas soalan ini mengandungi 10 halaman bercetak.

Soalan 1: Rumusan**[30 markah]**

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian buat satu rumusan tentang punca berlakunya tekanan mental dalam kalangan remaja dan langkah-langkah untuk mengatasinya. Panjang rumusan anda hendaklah tidak melebihi 120 patah perkataan.

Pada Januari 2011, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) memperkenalkan Modul Kesihatan Mental di sekolah menengah untuk menangani masalah tekanan mental dalam kalangan pelajar. Pelaksanaan Modul Kesihatan Mental ini mendapat kerjasama daripada Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM). Menurut Menteri Kesihatan, Datuk Seri Liow Tiong Lai, KKM akan berbincang dengan KPM bagi mencari pendekatan terbaik supaya modul tersebut dapat diajarkan di sekolah. Berdasarkan rekod KKM, bilangan pesakit mental yang menerima rawatan di hospital awam meningkat daripada 15.6 peratus kepada 400 227 orang pada 2010 berbanding dengan tahun sebelumnya. Kebanyakan pesakit mental terdiri daripada golongan tua, dewasa, dan remaja.

Kebanyakan remaja yang mengalami tekanan mental datang daripada keluarga yang bermasalah. Remaja ini tidak diberi peluang dalam keluarga untuk meluahkan perasaan, pandangan, atau masalah mereka malah kebanyakan mereka hanya memendam rasa. Sekiranya perasaan ini sudah tidak dapat dikawal, remaja tersebut akan cenderung untuk menunjukkan tingkah laku yang kurang menyenangkan lalu bertindak membuta tuli. Ibu bapa yang terlalu menekankan akademik juga menyebabkan mereka mudah mengalami tekanan. Selain itu, penderaan secara fizikal dan mental juga menjadi faktor yang boleh menyebabkan seseorang itu mengalami tekanan. Individu yang pernah didera sama ada dipukul atau diperkosa berkemungkinan besar akan mengalami tekanan. Tidak mustahil juga jika dikatakan bahawa kesihatan emosi setiap insan amat berkait rapat dengan kesihatan mentalnya. Seseorang yang hidup mewah tetapi kurang mendapat perhatian dan kasih sayang juga akan mengalami gejala ini. Mereka ini akan hilang semangat untuk hidup.

Kematian seseorang yang disayangi dan perceraian ibu bapa merupakan antara contoh pengalaman yang boleh memberikan kesan buruk termasuklah tekanan mental kepada seseorang. Pengalaman yang berupa tragedi ngeri yang pernah dialami oleh seseorang itu menyebabkan mereka sering mengalami gangguan emosi. Hal ini dikatakan demikian kerana mereka tidak dapat menerima hakikat bahawa orang yang disayanginya telah meninggal dunia. Kesannya, mereka akan diselubungi kesedihan yang berpanjangan lalu membawa kepada tekanan mental dan sakit jiwa. Terdapat juga segelintir remaja yang gagal mencapai keputusan akademik yang diharapkan juga akan menghadapi situasi yang sama. Mereka akan mengambil keputusan untuk membunuh diri. Kecenderungan untuk mengambil tindakan yang tidak matang ini disokong pula dengan faktor lain seperti sejarah keturunan keluarga. Pakar sakit jiwa membuktikan bahawa tekanan mental boleh dikaitkan dengan keturunan. Jika keluarga ibu atau bapa seseorang itu pernah mengalami tekanan mental yang teruk maka berkemungkinan anak-anak dan generasi seterusnya mudah mengalami tekanan mental. Begitu juga kesan

daripada kes bunuh diri yang dipaparkan dalam filem, siri televisyen, mahupun Internet kadangkala membuatkan remaja terpengaruh oleh perbuatan tersebut lantas mereka mengambil tindakan yang sama jika masalah tekanan yang dialami mereka itu berpanjangan.

Hakikatnya, kanak-kanak merupakan aset negara serta pemimpin pada masa hadapan. Oleh itu, kerjasama KKM dan KPM melaksanakan Modul Kesihatan Mental di sekolah menengah merupakan langkah bijak untuk membentuk generasi sejahtera, waras, dan berilmu. Untuk merealisasikan hal ini juga, kita memerlukan kerjasama semua pihak. Orang dewasa, pihak sekolah, penguasa, rakan sebaya, pihak kebajikan, dan pekerja sosial perlu bergabung tenaga ke arah pembentukan suasana harmoni dalam kalangan masyarakat di negara kita.

(Dipetik dan diubahsuaikan daripada *Menangani Masalah Mental*,
oleh Yasmin Norhazleena Bahri Md. Noor dan Tuan Nurizan Raja Yunus,
Dewan Masyarakat, Mei 2011)

Soalan 2 : Pemahaman

Soalan 2(a)- Petikan Umum

Berdasarkan petikan soalan 1, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

- (i) Berikan maksud rangkai kata "*mencari pendekatan terbaik*" berdasarkan petikan di atas?
[2 markah]
- (ii) Apakah kesan yang dihadapi oleh remaja jika mereka tidak dapat meluahkan perasaan, pandangan dan masalah mereka kepada keluarga?
[3 markah]
- (iii) Pada pendapat anda, apakah peranan yang boleh dimainkan oleh ibu bapa untuk menangani masalah tekanan anak-anak dalam pelajaran?
[4 markah]

Soalan 2(b) - Petikan Cerpen

Baca petikan cerpen di bawah dengan teliti dan kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

“Biar aku tinggal sahaja di samudera itu. Ia bukan milik sesiapa.” Mir terus sahaja bersuara. Matanya tetap merenung jauh. Pandangan itu menjangkau angin, bukit dan pokok-pokok hijau di kampus itu.

Dia seperti ternampak susuk tubuh kurus ayah meredah gelombang samudera itu. Samudera itulah yang bergulat dalam diri ayah sejak dulu. Sekarang pun, samudera itulah juga yang wujud dalam diri ayah. Ya. Sekarang pun.

“Ayah tidak boleh dipisahkan daripada samudera itu. Ayah ialah samudera. Samudera ialah ayah.” Mulut Mir terus sahaja terkumat-kamit.

Hakimah mengeluh. Dipeluknya bahu Mir. Ada kengiluan mengalir dalam diri. Mir harus diselamatkan sebelum segala-galanya menjadi pudar. Mir sahabatnya yang baik. Dan dia juga harus menjadi sahabat yang baik kepada Mir.

(Dipetik daripada ‘Biarkan Samudera’
oleh Raihanah Salleh dalam antologi *Harga Remaja*,
Dewan Bahasa dan Pustaka)

- (i) Apakah reaksi Hakimah setelah mendengar kata-kata Mir berdasarkan petikan di atas?
[3 markah]
- (ii) Sebagai sahabat, apakah tindakan yang perlu diambil sekiranya sahabat anda mengalami masalah hilang keyakinan diri?
[3 markah]
- (iii) Nyatakan satu persoalan yang terdapat dalam petikan dan dua persoalan lain yang terdapat dalam keseluruhan cerpen?
[3 markah]

Soalan 2(c) - Petikan Prosa Klasik

Baca petikan prosa klasik di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Maka lalu dihampirinya akan tasik itu. Maka dilihat olehnya Inderaputera pasirnya itu daripada emas urai dan batunya itu daripada permata yang indah-indah. Syahadan gersiknya daripada mantika dan rumput daripada kuma-kuma dan airnya seperti bau kasturi dan tepi tasik itu beberapa pohon anggur dan pohon zabib dan pohon delima dan buah-buahan yang indah-indah di tepi sungai itu.

Maka Inderaputera melihat *berbagai-bagai temasya*. Maka Inderaputera pun berjalan di tepi tasik itu dan berbunyi suatu suara itu demikianlah bunyinya, "Hai Inderaputera, ingat-ingat tuan hamba!" Maka didengar oleh Inderaputera bunyi suara itu. Maka dilihat ke kiri dan ke kanan, seorang pun tiada manusia dilihatnya, maka ia pun berjalan juga pada tasik itu maka dilihatnya oleh Inderaputera seponon kayu. Maka lalu diusirnya. Maka sampailah Inderaputera ke bawah pohon kayu itu. Maka dilihat oleh Inderaputera itu mayat banyak terhantar di bawah pohon kayu itu.

(Dipetik daripada "Dua Geliga Hikmat"
dalam antologi *Dirgahayu Bahasaku*,
Dewan Bahasa dan Pustaka)

- (i) Apakah maksud rangkai kata *berbagai-bagai temasya* berdasarkan petikan di atas?
[2 markah]
- (ii) Berdasarkan petikan, apakah yang dilihat oleh Inderaputera setelah baginda menghampiri tasik?
[3 markah]
- (iii) Pada pendapat anda, nyatakan usaha-usaha untuk menjadikan tasik sebagai pusat pelancongan?
[3 markah]

Soalan 2(d)- Petikan Puisi

Baca puisi di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

BANGKITLAH

Anak-anak yang sedang lena
bangkitlah
matahari sudah tinggi
di puncak gunung.

Lihat jernihnya pagi ini
burung-burung berterbangan di udara
dan pepohon hijau merendang daunnya
apa kau masih belum bangkit?

Bangkitlah
jangan sesal nanti
madu bumi yang kekeringan
isi laut kekosongan
dan perut belantara menjadi ladang.

Anak-anak
esok apa yang akan kaumakan?
tanah atau batu atau debu?
kau mahu terus nangis
tanpa air mata?

Kalau tidak
bangkitlah
matahari belum lagi rembang
dan burung-burung belum lagi menjamah awan!

Rejab F.I
Langit di Tangan, 1995.
Dewan Bahasa dan Pustaka.

- (i) Mengapakah penyajak menyeru anak-anak muda 'bangkit'? [3 markah]
- (ii) Sebagai remaja, apakah peranan yang boleh dimainkan mereka untuk mencapai aspirasi negara? [3 markah]
- (iii) Nyatakan tiga pengajaran yang terdapat dalam sajak di atas? [3 markah]

Soalan 3 : Pengetahuan Dan Kemahiran Bahasa

[30 markah]

Jawab semua soalan

(a) *Tulis satu ayat bagi perkataan di bawah ini untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukarkan imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.*

- (i) nama
- (ii) bernama
- (iii) ternama
- (iv) menamakan
- (v) kenamaan
- (vi) penamaan

[6 markah]

(b) *Nyatakan pola ayat dasar di bawah ini sama ada Frasa Nama + Frasa Nama (FN + FN), Frasa Nama + Frasa Kerja (FN + FK), Frasa Nama + Frasa Adjektif (FN + FA), atau Frasa Nama + Frasa Sendi Nama (FN + FSN)*

- (i) Dia masih tidur.
- (ii) Bas itu dari Seremban.
- (iii) Kucing itu kurus kering.
- (iv) Rakannya gadis Filipina.
- (v) Puan Ramziah guru di sekolah itu.
- (vi) Merokok membahayakan kesihatan.

[6 markah]

- (c) *Dalam petikan di bawah terdapat tiga kesalahan ejaan dan tiga kesalahan penggunaan imbuhan. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada tiga kesalahan ejaan dan tiga kesalahan penggunaan imbuhan. Anda tidak perlu menyalin petikan itu semula.*

Dari jauh, di salah sebuah kafe popular di ibu kota, terlihat sekumpulan remaja begitu rancak bersembang, sambil menikmati aneka makanan yang terhidang di atas meja. Keadaan di kafe "lima bintang" itu begitu sesak dengan kunjungan yang majoritinya remaja berbangsa Melayu. Persoalannya, adakah mereka tidak memperdulikan pengumuman Jabatan Kemajuan Islam Malaysia baru-baru ini bahawa kafe tersebut tidak disenaraikan dalam premis makanan halal.

[6 markah]

- (d) *Dalam setiap ayat di bawah, terdapat satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.*

- (i) "Masyarakat berfikir" adalah asas penting bagi mencorakkan perubahan masyarakat maju pada zaman ke-21.
- (ii) Minit mesyuarat itu ada dengan pengetua untuk ditatap oleh beliau sebelum dibentangkan dalam mesyuarat bulanan.
- (iii) Ketua kampung akan membincangkan tentang masalah-masalah yang ditempuhi oleh anak mukimnya pada minggu depan.

[6 markah]

- (e) *Nyatakan satu peribahasa yang menepati maksud di bawah.*

- (i) Melakukan pekerjaan yang sia-sia.
- (ii) Orang lain yang berbuat salah, orang lain pula yang menanggung akibatnya.
- (iii) Keadaan orang yang berilmu tetapi tidak menunjuk-nunjukkan dirinya.

[6 markah]

Soalan 4 : Novel

[15 markah]

Jawab soalan-soalan di bawah berdasarkan novel- novel yang berikut:

- (i) Renyah – Gunawan Mahmood
- (ii) Sutera dalam Lukisan – Abd. Talib Hassan

- (a) Berdasarkan sebuah novel yang telah anda pelajari, jelaskan peristiwa-peristiwa yang mempunyai nilai murni.

[7 markah]

- (b) Berdasarkan dua buah novel yang telah anda pelajari, huraikan satu latar masyarakat dalam setiap novel.

[8 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT